

Headline	Paras tertinggi dalam sejarah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B12
ArticleSize	209 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,997		



Paras tertinggi dalam sejarah

» *FBM KLCI*
catat 1,841.87
mata pada
penutupan

Penanda aras pasaran saham tempatan, Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) merekodkan paras penutup tertinggi dalam sejarah iaitu 1,841.87 mata, dirangsang aktiviti memperkemaskan akaun oleh dana tempatan.

Kali terakhir ia mencatat paras tertinggi adalah Jumaat lalu apabila ditutup pada 1,826.95 mata.

FBM KLCI juga turut mencatatkan paras tinggi harian baru iaitu 1,843.62 pada jam 4.41 petang.

Indeks penanda aras bergerak di antara 1,826.93 mata dan 1,843.62 mata sebelum mengakhiri 14.92 mata lebih tinggi, didorong keuntungan kaunter wajaran tinggi.

Saham untung mengatasi saham rugi dengan 457 berbalas 294, manakala 320 kaunter tidak berubah, 486 tidak diniagakan dan 19 yang lain digantung.

Jumlah dagangan mengukuh kepada 1.144 bilion saham bernilai RM1.455 bilion daripada 1.03 bilion saham bernilai RM1.61 bilion yang diniagakan pada Jumaat.

Pencarta serantau di May-

bank Investment Bank, Lee Cheng Hooi, berkata perolehan kukuh di pasaran tempatan juga seiring dengan rakan serantau lain yang dipengaruhi prestasi semalaman yang lebih baik di Wall Street.

“Tiada faktor tempatan lain yang boleh merancakkan prestasi kukuh FBM KLCI hari ini (semalam) selain daripada aktiviti memperkemaskan akaun oleh dana tempatan.

“Kami menjangka aliran ini akan berterusan sehingga pertengahan bulan ini,” katanya.

Indeks Perindustrian menokok 29.13 mata kepada 3,126.5, Indeks Perladangan naik 59.4 mata kepada 9,058 dan Indeks Kewangan meningkat 116.949 mata kepada 16,872.78.

Indeks FBM Emas mengukuh 95.54 mata kepada 12,722.47, Indeks FBMT100 meningkat 93.811 mata kepada 12,455.94, FBM ACE naik 50.53 mata kepada 5,603.83 dan FBM 70 lebih tinggi 77.62 mata kepada 14,176.33.

Di kalangan saham aktif, Sanichi Technology dan Tiger Synergy, masing-masing menambah 0.5 sen kepada 10.5

sen dan 21.5 sen sementara Tiger Synergy-OR kerugian 0.5 sen kepada 2.5 sen.

Saham berwajaran tinggi, Maybank meningkat 12 sen kepada RM9.95, Tenaga Nasional mengukuh dua sen kepada RM11.02 dan CIMB menokok tiga sen kepada RM7.70.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama meningkat kepada 831.538 juta unit bernilai RM1.387 bilion daripada 761.17 juta unit bernilai RM1.55 bilion Jumaat lalu.

Jumlah dagangan di pasaran ACE mengembang kepada 277.861 juta saham bernilai RM59.76 juta daripada 247.44 juta saham bernilai RM56.73 juta yang diurus niaga sebelumnya.

Waran pula menokok kepada 28.345 juta unit bernilai RM3.82 juta daripada 23.95 juta unit bernilai RM2.97 juta Jumaat lalu.

Produk pengguna menguasai 43.848 juta saham di Pasaran Utama, produk perindustrian 98.863 juta, pembinaan 33.378 juta, urus niaga dan perkhidmatan 256.235 juta, teknologi 56.424 juta, infrastruktur 21.093 juta, SPAC 103.105 juta, kewangan 33.56 juta, perhotelan 553,300, hartanah 154.414 juta, perladangan 24.439 juta, perlombongan 23,200, REIT 5.535 juta dan dana tertutup 63,000.

BERNAMA